

Metodologi Shaykh Muhammad Sa'id Bin 'Umar dalam Penggunaan Hadis: Kajian Analisis dan Kritis Terhadap Tafsir Nur al-Ihsan

The Methodology of Shaykh Muhammad Sa'id Bin 'Umar in Using Hadis: Analytical and Critical Studies of Tafsir Nur al-Ihsan

AZHAN YUSOFF
FADLAN OTHMAN

ABSTRAK

Al-Quran adalah wahyu dari Allah SWT dan Hadis adalah apa yang datang dari Rasulullah SAW. Orang yang paling faham mengenai al-Quran dan Hadis adalah para sahabat RA. Ucapan sahabat disebut sebagai hadis mawquf atau athar. Para ulama menafsirkan al-Quran antara lain berpandukan kepada Hadis termasuk hadis mawquf. Kajian ini bertujuan menjelaskan metodologi penggunaan hadis mawquf oleh Muhammad Sa'id bin 'Umar dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan, memastikan status hadis yang digunakan dan mengemukakan pandangan ulama mengenainya. Untuk tujuan ini, satu kajian kepustakaan terhadap sekumpulan hadis mawquf yang berkaitan dilakukan dengan mengaplikasikan ilmu al-Takhrij. Penentuan terhadap status hadis mawquf tersebut adalah berdasarkan pandangan para mufassirin dan ahli hadis yang diperolehi dari kitab-kitab tafsir al-Quran dan kitab syarah hadis yang muktabar. Hasil kajian mendapatkan bahawa hadis mawquf merupakan satu sumber yang penting dan banyak digunakan dalam tafsir untuk memahami maksud ayat al-Quran. Namun begitu status hadis mawquf perlu dipastikan terlebih dahulu kerana ia sangat penting bagi memastikan kefahaman terhadap Islam tidak bercampur dengan unsur lain seperti israiliyat. Kajian ini seterusnya menunjukkan sanad dan perawi sesuatu hadis itu sangat penting bagi memastikan kesahihannya. Kajian ini telah mengenal pasti sejumlah sembilan hadis mawquf sahih, enam hadis mawquf hasan, 19 hadis mawquf da'if, tujuh hadis mawquf mawdu' dan lapan hadis mawquf yang belum dapat dipastikan statusnya; suatu penemuan yang dapat memudahkan pemanfaatan maksimum kitab ini. Penjelasan ini menunjukkan kepentingan kesahihan hadis dalam memastikan ajaran al-Quran dan al-Hadis terus kekal tulen sebagaimana disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Kata kunci: Metodologi; Shaykh Muhammad Sa'id Bin 'Umar; hadis; analisis; Tafsir Nur al-Ihsan

ABSTRACT

Al-Quran is a revelation from God Almighty and the Sunnah is what comes from the Prophet. The most understanding person of the Quran and Hadis are the companions of RA. His speech referred to as the hadis mawquf or athar. The scholars interpret the Quran, among others according to the hadis traditions including hadis mawquf. This study aims to explain the methodology of the use of hadis mawquf by Muhammad Sa'id bin 'Umar in the book of Tafsir Nur al-Ihsan, which is used to ascertain the status of hadis and to present the scholars view thereon. For this purpose, a literature study on a group of related traditions mawquf done by applying knowledge of al-Takhrij. Determination of status mawquf tradition is based on view of the mufassireen and traditions derived from the books of tafsir al-Quran and authentic hadis scripture sermon. The results showed that the hadis mawquf is an important source and widely used in the interpretation to understand the meaning of Quranic verses. However, status of traditions mawquf first need to be ensured that it is very important to ensure understanding of Islam do not mix with other elements such as israeliyat. This study further showed that sanad and the narrators of a hadis is very important to ensure authenticity. This study identified a total of nine mawquf authentic hadis, the six hadis hasan mawquf, 19 hadis mawquf da'if, seven hadis mawquf mawdu' and eight hadis mawquf with uncertain status; a discovery that could facilitate the maximum use of this book. This explanation shows the importance of authenticity to ensure that the teachings of the Quran and Sunnah remains pure as delivered by the Prophet Muhammad SAW.

Keywords: Methodology; Shaykh Muhammad Sa'id Bin 'Umar; hadis; analysis; Tafsir Nur al-Ihsan

PENGENALAN

Al-Quran adalah wahyu dari Allah dan hadis adalah apa yang datang dari Rasulullah SAW. Orang yang

paling faham mengenai al-Quran dan hadis adalah para sahabat. Perkataan sahabat disebut sebagai hadis mawquf atau athar. Para ulama menafsirkan al-Quran berpandukan kepada hadis *marfu'* dan hadis *mawquf*.

Kitab Tafsir Nur al-Ihsan karangan Muhammad Sa‘id bin ‘Umar merupakan kitab tafsir Melayu yang lengkap 30 juzuk. Ia diguna pakai di kebanyakan masjid, pondok dan pusat pengajian di Malaysia, terutamanya di utara Semenanjung. Kajian ini bertujuan menjelaskan metodologi penggunaan hadis dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan, memastikan status hadis yang digunakan dan mengemukakan pandangan ulama mengenainya. Ianya bertujuan memantapkan penggunaan tafsir ini dalam perkembangan ilmu pengetahuan Islam masa kini.

PERNYATAAN MASALAH

Al-Quran merupakan sumber pertama bagi umat Islam memahami Islam. Al-Quran tidak mengalami sebarang keraguan padanya lantaran tiada sebarang perubahan sedikit pun. Allah SWT menjamin keaslian al-Quran akan kekal sebagaimana diturunkan. Hadis pula merupakan sumber kedua umat Islam. Ia merupakan penerang kepada ayat al-Quran dan gandingan ini tidak dapat dipisahkan. Rasulullah SAW memberi amaran bahawa orang yang sengaja mencipta hadis lalu disandarkan kepada baginda, iaitu mendustakan Rasulullah SAW akan dihumban ke dalam neraka.

Umat Islam perlu teliti dalam memastikan sumber hadis yang mereka perolehi. Tambahan pula musuh Islam hanya menunggu masa yang sesuai untuk menokok tambah atau menghilangkan sebahagian hadis kerana mereka tidak mampu melakukannya kepada al-Quran. Justeru, hadis yang sampai kepada kita hari ini ada yang dihukum *sahih*, *hasan* dan *da‘if* bahkan ada yang *mawdu‘* atau palsu.

Hadis boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, antaranya hadis *marfu‘*, *mawquf* dan *maqtu‘*. Mahmud al-Tahhan menjelaskan bahawa hadis *marfu‘* ialah perkara yang dinisbahkan kepada Nabi SAW sama ada berupa perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat. Hadis *mawquf* ialah perkara yang dinisbahkan kepada sahabat sama ada berupa perkataan, perbuatan, atau pengakuan. Sementara hadis *maqtu‘* pula ialah perkara yang dinisbahkan kepada *tabi‘in* atau lainnya sama ada berupa perkataan atau perbuatan (al-Tahhan 1994).

Kitab Tafsir Nur al-Ihsan ini dikarang oleh Muhammad Sa‘id bin ‘Umar yang dilahirkan di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah pada tahun 1275H bersamaan 1857M. Ia mempunyai empat jilid, manakala hadis *mawquf* di dalamnya adalah sebanyak 49 buah hadis. Tinjauan awal mendapati pengarang kitab ini tidak terlepas dari menukarkan hadis-hadis

sama ada *marfu‘* atau *mawquf* yang tidak lengkap. Ia berlaku dari sudut sanad, matan dan status hadis. Kajian mengenai metodologi penggunaan hadis dalam tafsir ini sangat penting dalam memastikan ilmu Islam berkembang dengan berpandukan sumber yang sahih.

Dalam mengkaji kitab ini kajian hanya akan ditumpukan kepada hadis *mawquf* iaitu perkara yang dinisbahkan kepada sahabat sama ada berupa perkataan, perbuatan, atau pengakuan. Hadis *marfu‘* tidak termasuk di dalam kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini akan menjelaskan metodologi penggunaan hadis yang terdapat dalam Tafsir Nur al-Ihsan dan status hadis tersebut serta pandangan ulama mengenainya. Dapatkan kajian akan memantapkan lagi penggunaan kitab Tafsir Nur al-Ihsan ini di kalangan masyarakat, selain mempercambahkan lagi ilmu takhrij hadis.

Kajian ini diharap akan dapat mencapai objektif berikut:

1. Memperkenalkan pengarang kitab Tafsir Nur al-Ihsan kepada masyarakat yang hanya mengenali kitab tanpa mengetahui latar belakang pengarangnya.
2. Untuk mengetahui metodologi penggunaan hadis *mawquf* dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan dan menyebut status setiap hadis yang terdapat di dalam kitab ini.
3. Berusaha menjelaki hadis *mawquf* tersebut dan memastikannya serta menyatakan sumber perkataan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Ahmad Sunawari Long (2009) bidang kajian dokumentasi ke atas al-Quran, hadis, kitab-kitab agama boleh dilakukan sama ada dengan menggunakan metode analisis kandungan, perbandingan, kajian persejarahan terhadap isi dan tafsiran al-Quran dan pelbagai kitab tafsir termasuk penulisnya. Demikian juga kajian terhadap matan dan sanad hadis, kajian takhrij hadis dan sebagainya. Justeru penulis akan menggunakan metode analisis kandungan, perbandingan dan kajian persejarahan.

Metode analisis kandungan akan digunakan oleh penulis dengan cara meneliti al-Quran, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab hadis, kitab syarah hadis dan buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan perkataan

para sahabat sebagai subjek utama penyelidikan. Setiap hadis *mawquf* yang terdapat di dalam Tafsir Nur al-Ihsan, akan dicari sumber dan pandangan ulama mengenainya. Ia bertujuan untuk memperolehi maklumat yang tulen dari sumber-sumber utama dan sekunder bagi menjelaskan objektif-objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kajian persejarahan akan menumpukan kepada perbincangan mengenai pengarang dan kitabnya. Penulis akan meneliti maklumat yang terdapat di dalam kitab pengarang sendiri serta kajian terdahulu seperti buku, kertas kerja, penulisan ilmiah, jurnal dan persatuan keluarga pengarang.

Manakala metode perbandingan ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi. Pengkaji menggunakan metode ini untuk membuat kesimpulan.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian dan buku-buku ilmiah yang telah ditulis tentang Tafsir Nur al-Ihsan. Di antara kajian-kajian terdahulu yang sempat dirujuk adalah dari sumber tesis Sarjana Muda Pengajian Islam dan tesis Sarjana Pengajian Islam antaranya ialah:

1. Disertasi Sarjana yang dilakukan oleh Nurzatil Ismah Azizan, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009, bertajuk *Tafsir Nur al-Ihsan oleh Muhammad Said b. Umar dan Tafsir al-Qur'an al-Hakim oleh Mustafa Abdul Rahman: kajian perbandingan metodologi pentafsiran*. Kajian ini menumpukan kepada metodologi pentafsiran al-Quran yang digunakan oleh pengarang Tafsir Nur al-Ihsan secara perbandingan dengan Tafsir al-Quran al-Hakim.
2. Disertasi Sarjana oleh Muhammad Ismi Mat Taib, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004, bertajuk *Isra'iliyyat dalam Tafsir: Kajian terhadap Kitab Nur al-Ihsan, Karya Haji Muhammad Sa'id Umar*. Kajian ini menyingskap kisah Isra'iliyyat yang terdapat di dalam kitab ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa banyak terdapat kisah Isra'iliyyat yang dipindahkan oleh pengarang dari kitab-kitab rujukan beliau yang tidak bebas dari unsur tersebut.
3. Penulis turut menemui beberapa latihan ilmiah peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian

Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia yang mempunyai perkaitan dengan tafsir ini. Latihan ilmiah tersebut berjudul *Tahqiq dan Menulis Semula Kitab Tafsir Nur al-Ihsan Karangan al-Fadhl al-Hajj Muhammad Sa'id bin Umar*. Kajian ini dijalankan oleh empat orang pelajar dari berlainan semester pengajian iaitu Ahmad Hj Awang, Hj. Haris Mahat, Abd Razak Tolib dan Muhammad Ali Othman. Kajian ini hanya melibatkan beberapa surah sahaja. Mereka mencari dan menyatakan sumber asal petikan tafsir tertentu dan mentakhrij hadis yang ada.

4. Sebuah kajian mutakhir mengenai kitab ini dijalankan oleh Mohd Nazimi Zaim bin Ismail bertajuk *Takhrij Hadis di dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan* dihasilkan di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini diselia oleh Dr Mohd Nizam Sahad yang bertugas di Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Kajian ini siap menjelang Mei 2010.
5. Sebuah kertas kerja dalam Seminar Sehari Tokoh Tafsir Dunia Melayu pada 2 November 2009 bertempat di Hotel Residence, UNITEN Bangi bertajuk *Aplikasi Ilmu Takhrij dalam Kitab Melayu: Tinjauan Awal Terhadap Surah al-Baqarah, Kitab Tafsir Nur al-Ihsan oleh al-Shaykh Muhammad Sa'id bin 'Umar* oleh Fadlan Mohd Othman dan Mohd Fadhil Mohd Faudzi, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kertas kerja ini menjelaskan aplikasi ilmu takhrij dalam penulisan kitab tafsir Melayu. Tinjauan awal terhadap surah al-Baqarah, Tafsir Nur al-Ihsan mendapati bahawa tiada penilaian terhadap status hadis, hanya sebuah hadis dinyatakan sumbernya serta tiada hadis yang disertakan sanad.

Kesimpulannya para pengkaji terkemudian perlu memperbaiki tahap aplikasi takhrij dalam kitab ini bagi memperkasakan warisan kitab tafsir Melayu. Berikutan dengan itu, penulis menyambut baik cetusan idea pembentang untuk meneruskan kajian takhrij hadis dalam kitab Tafsir Nur al-Ihsan ini.

Sebagai rumusan hasil daripada tinjauan terhadap kajian-kajian lepas, dapatlah dijelaskan bahawa kajian penulis berkenaan *Metodologi Shaykh Muhammad Sa'id bin 'Umar dalam Penggunaan Hadis: Kajian Analisis dan Kritis terhadap Tafsir Nur al-Ihsan*, dengan menumpukan kepada hadis *mawquf* belum pernah dijalankan oleh mana-mana penyelidik sebelum ini dan merupakan topik yang tersendiri. Meskipun begitu, bagi penulis, hasil kajian di atas sedikit sebanyak boleh dikaitkan dengan

permasalahan kajian yang dilakukan ini. Justeru, penulis beranggapan bahawa hasil kajian tersebut berfaedah dan berguna untuk dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini.

HASIL KAJIAN

1. Metodologi penggunaan hadis

a. Pengenalan

Metodologi penggunaan hadis dalam bab ini ialah cara Haji Muhammad Sa'id menukilkan hadis *mawquf* ke dalam kitabnya yang merupakan unsur terpenting dalam kajian ini. Pengarang menggunakan cara yang tidak seragam malah pelbagai dalam menukilkan hadis. Ia akan dilihat dari sudut bentuk hadis dan cara huraian terhadap ayat al-Quran.

b. Bentuk hadis dari sudut sanad, matan, sumber dan status

Haji Muhammad Sa'id mengemukakan hadis-hadis yang berkaitan dengan sesuatu ayat bagi menjadikan hadis-hadis ini sandaran dalam hujahnya. Walau bagaimanapun, hadis yang dikemukakan tidak mempunyai bentuk yang seragam, bahkan pelbagai bentuk.

Berikut adalah contoh kepelbagaiannya bentuk hadis dalam kitab ini yang dilihat dari sudut sanad, matan, sumber dan status dan dapat disimpulkan seperti berikut:

- Pengarang tidak menyebut secara lengkap sanad hadis yang dikemukakan. Daripada 49 buah hadis *mawquf* yang dikaji, hanya satu sahaja hadis yang disertakan sanad yang agak lengkap iaitu ketika mentafsirkan ayat 68, Surah al-Zumar:

(Riwayat Abu Ja'far al-Razi) Daripada al-Rabi' daripada Abi al-'Aliyah daripada Ubay ibn Ka'b berkata ia antara manusia pada segala pekan-pekan mereka itu tiba-tiba hilang cahaya matahari dan antara demikian itu luruh bintang-bintang dan (ra) demikian itu reban bukit-bukit antara demikian itu bergerak bumi seperti perahu maka terkejut manusia dan jin dan binatang dan burung pergi setengah kepada setengah dan terlupa perempuan yang menyusukan daripada anak yang disusukannya dan gugur perempuan yang bunting dan engkau lihat manusia mabuk dan terlupa makanan yang di tangan dan kain yang dipakai maka antara demikian itu datang angin mati mereka itu sekalian.

Pengarang juga hanya pada satu hadis menyebut perawi terakhir pada sanad ketika

mentafsirkan ayat 158, Surah al-An'am iaitu:

Riwayat Abu Nu'aim daripada Ibn 'Umar tiada berdiri kiamat hingga sembah Arab akan asnam balik seperti tok nenehnya dahulu daripada Islam itu 120 tahun.

Selain daripada dua hadis di atas, pengarang tidak menyertakan sanad pada hadis-hadis yang lain. Contoh hadis yang tidak disertakan sanad adalah seperti tafsiran ayat 124, Surah Taha:

Maka bahawa baginya kehidupan yang sempit. Kata Ibn 'Abbas iaitu kehidupan dalam maksiat.

Akibat daripada ketiadaan sanad, usaha menetapkan hukum atau status hadis menjadi agak sukar. Pencarian penulis hanya menemui hadis ini dalam kitab Tafsir al-Jamal tanpa sanad dengan lafadz berikut:

وقال ابن عباس المراد بالعيشة الضنك الحياة في المعصية وإن كان في رخاء ونعمه، قاله الرازى.

- Berkaitan matan pula, pengarang hanya memberikan terjemahan sahaja tanpa matan pada semua hadis berkaitan. Sebagai contoh, beliau hanya mendatangkan terjemahan hadis ketika beliau mentafsirkan ayat 11, Surah al-Najm iaitu:

Tiada dusta hati Muhammad barang yang ia lihat Jibril atas rupa asli dengan mata kepala itu. Kata Ibn 'Abbas Allah Azza wa Jalla pilih Nabi Ibrahim jadi khalil dan Nabi Musa jadi Kalim dan Nabi Muhammad dengan ru'yah lihat Allah.

- Pengarang tidak menyatakan sumber asal kitab hadis yang dinukil oleh beliau. Kesemua hadis *mawquf* yang dikemukakan pengarang tidak disebut sumber asal kitab. Besar kemungkinan pengarang menukilkan hadis daripada kitab tafsir dan bukan kitab-kitab kumpulan hadis, sebagaimana pengarang menyebutnya dipermulaan kitab bahawa rujukan beliau adalah Tafsir al-Jalalayn, Tafsir al-Baydawi dan Tafsir al-Jamal serta beberapa tafsir yang lain lagi yang tidak dinamakan oleh beliau.

- iv. Status hadis pula, pengarang tidak mensyaratkan hadis yang dinukilkhan sama ada dapat dijadikan hujah atau tidak. Ini dapat dilihat daripada hadis yang dikaji, selain daripada hadis sahih dan hasan, beliau juga menukilkan hadis *da'if* malah *mawdu'*. Wujud kebarangkalian, pengarang menukilkan hadis dari kitab-kitab tafsir yang menjadi rujukan beliau, bukan dari kitab-kitab hadis asal. Justeru, beliau menukilkan hadis tanpa perlu memastikan terlebih dahulu status semua hadis yang digunakan kerana meletakkan sepenuh keyakinan kepada kitab yang menjadi sumber rujukannya.
 - v. Pengarang tidak memberi penjelasan tentang hukum hadis ataupun mengkritiknya. Beliau membawa datang hadis sebagai menyokong tafsiran ayat al-Quran, tanpa memberi sebarang ulasan kepada status hadis tersebut.
 - c. Hadis sebagai penyokong tafsiran
Pengarang menukilkan hadis untuk menyokong tafsirannya. Sokongan itu berbentuk seperti berikut:-
 - i. Penjelasan tentang peristiwa yang menjadi latar belakang turunnya sesuatu ayat seperti tafsiran ayat 3, Surah al-Hujurat iaitu:

Bahaha segala mereka yang memperlahan mereka itu suara mereka itu pada sisi Rasulullah itu mereka itulah segala mereka yang telah imtihan cuba buka meluas Allah akan segala hati mereka itu akan junjung jalan-jalan takut Allah. Bagi mereka itu ampunan dan pahala yang besar syurga kata Abu Hurairah dan 'Abdullah bin 'Abbas tatkala turun ayat tegah bercakap deras dengan Nabi adalah Saidina Abu Bakr dan 'Umar bercakap dengan Rasulullah sehabis-habis perlahan seperti orang berbisik-bisik sampai tiada berapa dengar Rasulullah kerana memulia dan *ta'zim* hormat bagi Nabi SAW maka turun ayat ini memuji mereka itu.
 - ii. Memberi tafsiran terhadap perkataan yang digunakan di dalam al-Quran seperti tafsiran ayat 46, Surah al-A'raf iaitu:

Dan atas a'raf itu beberapa lelaki yang bersamaan kebajikan dan kejahatan seperti pada hadis dan kata Ibn 'Abbas kanak-kanak kafir yang mati kecil.
 - iii. Hadis sebagai penjelasan terhadap masa sesuatu peristiwa yang tidak dinyatakan oleh al-Quran. Sebagai contoh, tafsiran ayat 4, Surah Yusuf:

Hai bapaku bahawa aku lihat dalam mimpiku 11 bintang dan matahari dan bulan aku lihat mereka itu sujud bagi aku sekalian adalah mimpi malam Jumaat lailat al-qadr umur Yusuf 12 tahun kata Ibn Abbas sampai hari himpun bapa emaknya dan saudaranya di Mesir 40 tahun.
 - iv. Memberi penjelasan terhadap bilangan dan nama orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa yang tidak dinyatakan oleh al-Quran. Ini dapat dilihat pada bilangan dan nama ashab al-Kahfi menerusi tafsiran ayat 13, Surah al-Kahf:

Bahawasa mereka itu beberapa orang muda yang beriman dengan tuhan mereka itu. Kata Ibn 'Abbas, tujuh orang: Makslamina dan Tamlikha dan Marthunus dan Nainunus dan Sarbunus dan Zunuanus dan Falintatiunus ia gembala kambing.
 - v. Penjelasan mengenai cara peristiwa azab yang tidak dijelaskan oleh al-Quran, contohnya tafsiran ayat 32, Surah al-Haqqah iaitu:

Kemudian rantai yang besar bermula hastanya tujuh puluh hasta itu maka masuk oleh kamu akan dia kata Ibn 'Abbas dimasuk pada duburnya dikeluar pada lubang hidungnya.
 - vi. Penjelasan berupa pemberitahuan terhadap perbezaan pandangan terhadap kandungan ayat hukum. Misalnya tafsiran ayat 158, surah al-Baqarah:

Maka tiada mengapa atasnya bahawa tawaf ia dengan keduanya. Kata Ibn 'Abbas bahawa sa'i bukan fardhu.
2. Pandangan penggunaan hadis
- a. Pengarang membawa hadis tanpa menyebut perawi hadis dan sanad
Penulis berpendapat, keadaan ini adalah kerana desakan suasana semasa. Antara tujuan kitab ini disusun ialah untuk memenuhi permintaan masyarakat bagi memahami al-Quran. Justeru menyebut perawi lebih-lebih lagi sanad hadis bukanlah suatu keutamaan. Begitu juga yang berlaku kepada pengarang-pengarang kitab zaman tersebut. Ia mengambil pendekatan yang sama. Ini dapat dilihat pada semua kitab jawi Melayu, juga tidak menyertakan perawi hadis mahupun sanad

- hadis di dalam kitab tersebut. Ketiadaan sanad dilakukan mungkin untuk mengelakkan kitab dari menjadi tebal serta mengelakkan perasaan jemu orang yang baru mendekatkan diri dengan kitab-kitab agama.
- b. Hadis yang dikemukakan tidak dinyatakan statusnya sama ada hadis tersebut *sahih*, *hasan* ataupun *da'if*
- Pada zaman dan situasi masyarakat Melayu ketika kitab beliau disusun, perhatian terhadap status sesuatu hadis bukanlah menjadi keutamaan. Kefahaman terhadap kandungan al-Quran secara umum yang menjadi fokus utama karangan kitab tafsir ini. Ini dapat difahami dari pengakuan pengarang bahawa masyarakat meminta beliau menghasilkan tafsir dalam bahasa Melayu kerana ianya belum ada ketika itu.
- c. Menukilkan hadis daripada kitab-kitab tafsir secara langsung, bukan daripada kitab hadis.
- Keadaan ini mengundang sedikit kekeliruan kerana ia akan memasukkan sekali unsur-unsur lain seperti *Israiliyyat*. Selain itu berlaku juga pemindahan kesalahan yang berlaku di dalam kitab sumber.
3. Kajian analisis dan kritis
- Kajian ini melibatkan pencarian sanad dari kitab-kitab hadis, tafsir dan kitab-kitab lain. Setiap perawi akan dinyatakan komentar beberapa ulama mengenai statusnya. Kesimpulan status perawi akan diambil pandangan al-^cAsqalani, sekiranya ada. Dalam menentukan hukum sesebuah hadis, pandangan daripada beberapa ulama mutaqaddimin dan mutaakhirin akan diguna pakai. Sebagai contoh, dikemukakan beberapa hadis *mawdu'* yang dikaji berdasarkan tafsiran ayat 94, Surah al-Kahf (Jilid 3, hlm. 28):
- Kata Ka^cab bahawa Adam keluar mani satu hari. Maka bercampur nutfahnya dengan tanah. Maka dijadi Allah akan Ya'juj dan Ma'juj. Tiada mati seorang mereka itu hingga lihat 1000 anak lelaki sulbinya tanggung senjata. Mereka itu kafir sekalian seru akan mereka itu oleh Nabi SAW kepada iman malam israk maka tiada mengikut mereka itu.
- Takhrij:
- Hadis ini adalah dari tiga hadis yang berlainan. Justeru perbincangan akan dibahagikan kepada tiga asas iaitu:
- Kata Ka^cab bahawa Adam keluar mani satu hari. Maka bercampur nutfahnya dengan tanah. Maka dijadi Allah akan Ya'juj dan Ma'juj. Tiada mati seorang mereka itu hingga lihat 1000 anak lelaki sulbinya tanggung senjata. Mereka itu kafir sekalian seru akan mereka itu oleh Nabi SAW kepada iman malam israk maka tiada mengikut mereka itu.
- tanah. Maka dijadi Allah akan Ya'juj dan Ma'juj.
- Tiada mati seorang mereka itu hingga lihat 1000 anak lelaki sulbinya tanggung senjata.
 - Mereka itu kafir sekalian seru akan mereka itu oleh Nabi SAW kepada iman malam israk maka tiada mengikut mereka itu.
- Hadis i:
- Hadis ini ditemui tanpa sanad di dalam kitab Tafsir al-Khazin (1994) dan tafsir al-Baghawi (1999) dengan lafadz berikut:
- وقال كعب: هم نادرة في ولد آدم وذلك أن آدم احتلم ذات يوم، وامترجت نطفته بالتراب، فخلق الله من ذلك الماء يأجوج ومأجوج فهم متصلون بما من جهة الأب دون الأم.
- Hukum: *mawdu'*
- Hadis ini *mawdu'* kerana tidak ada sanad dan bertentangan dengan nas al-Quran. Muhammad ^cAli Shahin (1994), pentahqiq tafsir al-Khazin menyatakan bahawa ihtilam Nabi Adam ini tertolak kerana para nabi terpelihara daripada syaitan sedangkan ihtilam adalah daripada syaitan. ^cAbd al-Razzaq al-Mahdi (1999) dalam komentarnya dalam Tafsir al-Baghawi menegaskan bahawa cerita ini sebahagian dari *israiliyyat* Ka^cab al-Ahbar.
- Imam al-Nawawi (1972) dalam *al-Minhaj syarh sahib Muslim ibn Hajjaj* ada menukilkan perkataan Ka^cab ini tetapi tidak memberi ulasan. Ibn Kathir (1998) dalam *al-Bidayah wa al-nihayah* menyatakan pendapat ini ganjil dan bertentangan dengan nas al-Quran bahawa semua manusia hari ini adalah dari zuriat Nuh AS. Ibn Kathir juga menjelaskan di dalam tafsirnya bahawa ia adalah pendapat yang sangat ganjil, tiada dalil sama ada dalil akal atau naql. Tidak harus berpegang dengannya sekalipun dicerita oleh pengarang kitab kerana ianya hanyalah berdasarkan hadis-hadis yang dusta.
- Hadis ii:
- Hadis ini juga ditemui di dalam kitab Tafsir al-Khazin, tetapi bukan daripada Ka^cab sebagaimana difahami dari susunan ayat tafsir Nur al-Ihsan, sebaliknya Hudhayfah meriwayatkan secara *marfu'* tanpa sanad dengan lafadz berikut:

وروى حذيفة مرفوعاً «أن يأجوج ومجوّج أمة، وكل أمة أربعة آلاف أمة لا يموت الرجل منهم حتى ينظر ألف ذكر من صلبه قد حمل السلاح.

Hadis dengan sanad diriwayatkan oleh al-Jurjani (1997) dalam *al-Kamil fi du'afa' al-rijal* ketika menyenaraikan hadis dari rjal bernama Muhammad ibn Ishaq ibn Ibrahim. Hadis ini seperti berikut:

حَدَّثَنَا عَبْدَانُ، حَدَّثَنَا أَبْنُ مُصَفَّى وَوَهْبُ بْنُ يَيَّانَ، قَالَا: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ عَنْ مُحَمَّدٍ بْنِ إِسْحَاقِ، عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ شَعِيقٍ عَنْ حَذِيفَةَ سَأَلَتْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ فَقَالَ إِنَّ كُلَّ أُمَّةٍ أَرْبَعَ مَائَةَ أَلْفٍ أُمَّةٌ لَا يَمُوتُ الرَّجُلُ مِنْهُمْ حَتَّى يَنْظُرُ إِلَى أَلْفٍ ذَكَرٍ يَئِيْدِيهِ مِنْ صُلْبِهِ كُلُّهُ قَدْ حَمَلَ السَّلَاحَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ صَفَّهُمْ لَنَا قَالَ هُمْ ثَلَاثَةَ أَصْنَافٍ صِنْفٌ مِنْهُمْ أَمْثَالُ الْأَرْزِ قُلْتُ مَا هُوَ الْأَرْزُ قَالَ شَجَرَةُ الصَّنُوبِرِ شَجَرَةُ الشَّامِ طُولُ الشَّجَرَةِ عَشْرُونَ وَمَائَةً ذِرَاعًا فِي السَّمَاءِ وَصِنْفٌ مِنْهُمْ عَرَضُهُ وَطُولُهُ سَوَاءٌ عِشْرُونَ وَمَائَةً ذِرَاعًا فِي السَّمَاءِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُمُ الَّذِينَ لَا يَقُولُ لَهُمُ الْجَبَلُ، وَلَا حَدِيدٌ وَصِنْفٌ مِنْهُمْ يَقْتَرُشُ أَحَدُهُمْ أَذْنَهُ وَيَتَحَفُّ بالْأَخْرَى، وَلَا يَمْرُونَ بِقَلِيلٍ، وَلَا بِكَثِيرٍ، وَلَا بِحَمْلٍ، وَلَا خَنْزِيرٍ إِلَّا أَكْلُوهُ، وَمَنْ مَاتَ مِنْهُمْ أَكْلُوهُ مُقْدَمَتِهِمْ بِالشَّامِ وَسَاقَتْهُمْ بِخُرَاسَانَ يَسْرُبُونَ أَهْمَارَ الْمَشْرُقِ وَبَحِيرَةَ طَبِيرِيَّةَ. قَالَ الشَّيْخُ: هَذِهِ الْأَحَادِيثُ بِأَسَانِيدِهَا مَعَ غَيْرِهَا هَذَا مَمَّا لَمْ أَذْكُرْهُ لِمُحَمَّدٍ بْنِ إِسْحَاقَ الْعُكَاشِيِّ كُلُّهَا مَنَاكِيرٌ مَوْضِعَةٌ.

Hukum: *mawdu'*

Al-Jurjani sendiri menyatakan bahawa hadis ini dan semua hadis yang mempunyai perawi Muhammad ibn Ishaq al-'Ukkasyi adalah hadis *munkar lagi mawdu'*.

Perawi hadis ini ialah al-Jurjani: kata al-Dhahabi (1983) *al-imam al-hafiz al-naqid al-jawwal*, daripada 'Abdan, 'Abd Allah ibn Ahmad al-Ahwazi: kata al-Dhahabi (1983) *hafiz saduq*, daripada Ibn Musaffa: kata Abu Hatim *saduq*, kata al-Nasa'i *salih*, kata Ibn Hibban *kana yukhti* (al-'Asqalani: 1326H). Kesimpulan al-'Asqalani (1999) *saduq lahu awham wa*

kana yudallis. dan Wahb ibn Bayan: kata Abu Hatim *saduq la ba'sa bihi*, kata al-Nasa'i *thiqah*. Kesimpulan al-'Asqalani *thiqah abid*. daripada Yahya ibn Sa'id: kata Ibn Ma'in *laysa bi shay'*, kata al-Jurjani dan al-'Uqayli *munkar al-hadis*. Kesimpulan al-'Asqalani *da'if*. daripada Muhammad ibn Ishaq al-'Ukkasyi: kata Ibn Ma'in *kadhdhab*, kata al-Bukhari *munkar al-hadis*, kata al-Daruqutni *matruk yada'*. Kesimpulan al-'Asqalani *kadhhabu*. daripada A'mash Sulayman ibn Mihran: kata al-'Ijli *kana thiqah thabtan fi al-hadis*, kata Ibn Ma'in *thiqah*, kata al-Nasa'i *thiqah*. Kesimpulan al-'Asqalani *thiqah hafiz calim bi al-qiraat war' lakinnahu yudallis*. daripada Shaqiq ibn Salamah: kata Ibn Ma'in *thiqah*, kata Waki' *kana thiqah*, kata Ibn Sa'd *kana thiqah kathir al-hadis*. Kesimpulan al-'Asqalani *thiqah*. daripada Hudhayfah ibn al-Yaman: Kesimpulan al-'Asqalani *sahabi jalil min al-sabiqin*. daripada Rasulullah SAW.

Hadis iii:

Hadis ini dinukil oleh al-Qinnauiji (1992) di dalam kitab tafsir *Fath al-bayan fi maqasid al-Quran* tanpa sanad dan tanpa menyebut perkataan siapa.

قَيْلَ هُمْ عَشْرَةُ أَجْزَاءٍ وَوَلَدُ آدَمَ كُلُّهُمْ جَزْءٌ وَمَسَافَةُ الْأَرْضِ بِتَمَامِهَا خَمْسَمِائَةٌ عَامٌ ثَلَاثَمِائَةٌ بَحَارٌ وَمَائَةٌ وَتَسْعُونَ مَسْكِنٌ لَهُمْ بَقِيَ عَشْرَةُ سَبْعَةٌ لِلْحَبْشَةِ وَثَلَاثَةُ جَمْلَةِ الْخَلْقِ غَيْرُهُمْ وَهُمْ كُفَّارٌ دُعَاهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْإِيمَانِ لِلَّيْلَةِ الْإِسْرَاءِ فَلَمْ يَجِيُوا وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

Hadis bersanad diriwayatkan oleh al-Tabari (1967) dalam kitab *Tarikh al-Tabari*. Ia adalah sebuah hadis yang sangat panjang dan penulis menukilkan sanad dan sebahagian matannya sahaja iaitu:

فَمَمَّا رَوَى عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَفِّيَّهُ عَنْ مُحَمَّدٍ بْنِ أَبِي مَنْصُورِ الْأَمْلَى، حَدَّثَنَا حَلْفُ بْنُ وَاصِلَّ، قَالَ: حَدَّثَنَا عُمَرُ بْنُ صَبِّيْغٍ أَبُو نُعَيْمِ الْبَلْخِيُّ، عَنْ مُقَاتَلٍ بْنِ حَيَّانَ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبْرَازٍ، عَنْ أَبِي ذَرٍّ الْعَفَارِيِّ، قَالَ: كُنْتُ أَخُذُ بِيَدِ رَسُولِ اللَّهِ صَفِّيَّهُ وَنَحْنُ نَتَمَاشَيْنَا جَمِيعًا نَحْوَ الْمَغْرِبِ، وَقَدْ طَفَّلَتِ الشَّمْسُ، فَمَا زِلْنَا نَنْظُرُ إِلَيْهَا حَتَّى غَابَ ... وَانْجَرَأْتِ الْمُطْلَقِ

بِي أَلِيْهِمْ لِيْلَهُ اسْرَى بِي مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ
الْأَقْصَى، فَدُعِيَتْ يَأْجُوجُ وَمَأْجُوجٌ إِلَى عِبَادَةِ اللَّهِ عَزَّ
وَجَلَ فَأَبْوَا أَنْ يَجِيِّبُونِي ...

Hukum: *mawdu'*

Ibn Kathir (1998) dalam al-Bidayah wa al-nihayah menyatakan bahawa hadis yang disebut oleh al-Tabari dalam kitabnya Tarikh al-Tabari adalah hadis *mawdu'* yang direka oleh Abu Nu'aym al-Balkhi, 'Umar ibn Subh iaitu salah seorang pendusta terkenal yang mengaku mencipta hadis *mawdu'*. Wallahu a'lam.

Perawi dalam hadis ini al-Tabari: Kesimpulan al-Dhahabi (1983) *al-imam al-'alam al-mujtahid*. daripada Muhammad ibn Abi Mansur al-Amali: kata al-Faluji (2005) *majhul*, daripada Khalaf ibn Wasil: kata al-Faluji *sakata 'anhu Ibn 'Adi wa Abu al-Shaykh wa al-Hafiz*. daripada 'Umar ibn Subh Abu Nu'aym al-Balkhi: kata Ibn Hayyan *kana min man yada' al-hadis* (al-Dhahabi: 1995), kata Abu Hatim dan Ibn 'Adi *munkar al-hadis*, kata al-Azdi *kadhdhab* (al-'Asqalani: 1326H). Kesimpulan al-'Asqalani *matruk kadhdhabahu Ibn Rahuyah*. daripada Muqatil ibn Hayyan: kata Ibn Ma'in *thiqah*, kata Abu Dawud *thiqah*. Kesimpulan al-'Asqalani *saduq fadil*. daripada 'Abd al-Rahman ibn Abza: kata al-Bukhari *lahu suhbab*, kata Abu Hatim *adrak al-Nabiy wa salla khalfahu*. Kesimpulan al-'Asqalani *sahabi saghir*. daripada Abu Dzar al-Gifari: Kesimpulan al-'Asqalani *al-sahabi al-masyhur*. daripada Rasulullah SAW.

Kajian ini telah mengenal pasti sejumlah sembilan hadis *mawquf sahih*, enam hadis *mawquf hasan*, 19 hadis *mawquf da'if*, tujuh hadis *mawquf mawdu'* dan lapan hadis *mawquf* yang belum dapat dipastikan statusnya. Hadis yang dikemukakan sanad hanya satu hadis sahaja. Semua hadis tidak dinyatakan matan, juga sumber ambilannya. Seterusnya semua hadis tidak dinyatakan statusnya dari sudut *maqbul* mahupun *mardud*.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Kitab Tafsir Nur al-Ihsan ini merupakan sebuah karya tafsir dalam bahasa Melayu yang awal. Kitab ini telah memberi banyak manfaat kepada umat Islam di Tanah Melayu. Ia merupakan satu usaha murni daripada Almarhum Haji Muhammad Sa'id

yang telah ditinggalkan kepada kita. Usaha-usaha perlu digerakkan untuk memperkasakan kitab ini seperti mencetak semula dengan cetakan baru dengan menyertakan status hadis yang wujud di dalamnya. Cetakan baru perlulah lebih menarik seperti ayat-ayat al-Quran dan hadis diletakkan baris, pernomboran ayat al-Quran, mewujudkan perenggan mengikut isi dan kesesuaian serta menggunakan kertas yang berkualiti. Selain itu kajian takhrij hadis perlu didedahkan kepada masyarakat dengan mengeluarkan artikel-artikel berkaitan di dalam majalah dan akhbar. Akhirnya kitab Tafsir Nur al-Ihsan ini akan dimanfaatkan secara maksima serta ilmu takhrij akan dijawi oleh pelajar dan pengajar dalam bidang tafsir.

RUJUKAN

- Al-Quran.
 Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Bangi: Fakulti Pengajaran Islam, UKM.
 al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali. 1326H. *Tahdhib al-tahdhib*. al-Hind: Matba'ah al-Ma'arif al-Nizamiyah.
 _____ . 1420H/1999M. *Taqrib al-Tahdhib*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
 al-Baghawi, al-Husayn ibn Mas'ud. 1420H. *Ma'alim al-Tanzil*. tah. 'Abd al-Razzaq al-Mahdi. Beirut: Dar ihya' al-turath.
 al-Dhahabi, Muhammad ibn Ahmad. 1416H/1995M. *Mizan al-i'tidal fi naqd al-rijal*. tah. 'Ali Muhammad Mu'awwad. Beirut: dar al-kutub al-'ilmiyah.
 _____ . 1403H/1983M. *Siyar A'lam al-Nubala'*. tah. Shu'ayb al-Arnabut. Beirut: al-Mu'assasah al-risalah.
 al-Faluji al-Athari, Akram ibn Muhammad. t.th. *al-Mu'jam al-Saghir li Ruwat al-Imam ibn Jarir al-Tabari*. al-Urdun: Dar al-Athariyah.
 al-Khazin, 'Ali ibn Muhammad ibn Ibrahim. 1415H. *Lubab al-Ta'wil fi Ma'ani al-Tanzil*. tah. Muhammad 'Ali Syahin. Beirut: Dar al-kutub.
 al-Qinnauji, Muhammad Siddiq Khan ibn Hasan. 1412H/1992M. *Fath al-Bayan fi Maqasid al-Quran*. Beirut: al-Maktabat al-'Asriyah.
 al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. 1420H/2000M. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil ayi al-Quran*. tah. Ahmad Muhammad Syakir. t.tp. Mu'assasat al-risalah.
 _____ . 1387H. *Tarikh al-Tabari*. Beirut: Dar al-turath.
 Ibn Abi Hatim, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad, al-Razi. 1271H/1952M. *al-Jarh wa al-Ta'dil*, Haydr Abad: Tab'ah Majlis Dairat al-Ma'arif al-'Uthmaniah.
 al-Jurjani, Abu Ahmad ibn 'Adi. 1418H/1997M. *al-Kamil fi Du'a'afa' al-Rijal*, tah. 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud. Beirut: al-kutub al-'ilmiyah.

Ibn Kathir al-Dimashqi, Abu al-Fida' Isma'il ibn 'Umar ibn Kathir al-Qurasyi. 1408H / 1998M. *al-Bidayah wa al-nihayah*. Bayrut: Dar Ihya' al-turath al-'Arabi.
_____. 1420H / 2000M. *Tafsir al-Quran al-'Azim*.
Bayrut: Dar Ibn Hazm.
Muhammad Sa'id 'Umar. 1391H. *Tafsir Nur al-Ihsan*.
Fatani: Matba'ah bin Halabi.

Azhan Yusoff
*Fadlan Othman
Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.
MALAYSIA
*fadlan@ukm.my

